

KEDUDUKAN ULAMA DALAM PEMERINTAHAN MENURUT AYATULLAH SHARI'ATMADARI

Oleh:
Afrizal M *

Abstract

This article elaborates the position and roles of Islamic scholars (ulama) in government from Ayatollah Shari'atmadari's point of view. He expounds that ulama should not involve in government unless in certain condition like in the case of emergency. The role of ulama is monitoring and ensuring that Islamic law or syari'ah have been practiced in Muslim society. If Islamic leader in Islamic country does not practice or neglect syari'ah, ulama should play their role to advise and may be oppose them. This article will also elaborates Ayatollah Shari'atmadari's opinion which in certain aspect contrary to Khomeini in this issue.

PENDAHULUAN

Dalam keyakinan Syi'ah diketahui bahwa imam sahaja yang mempunyai hak untuk memimpin umat. Tetapi dengan menghilangnya imam yang ke dua belas secara ajaib, realisasi keyakinan itu membawa perubahan, sebab pemerintahan sekarang dijalankan oleh orang yang bukan imam hakiki (selain imam yang dua belas). Keadaan ini menyebabkan penganut aliran Syi'ah menyetujui pemerintahan yang bukan dipegang imam, tetapi dijalankan oleh pengganti imam dalam batas-batas tertentu. Penguasa semacam itu dipandang sebagai pelaksana tugas imam dengan mengambil perbandingan kepada pelaksanaan hukum-hakam yang berkaitan dengan peribadatan Islam.¹

Kondisi ini menuntut adanya pengganti imam untuk memimpin umat. Orang yang lebih tepat untuk memegang jawatan ini adalah ulama. Ini membuka peluang bagi ulama untuk ikut serta memainkan peranan dalam bidang sosial dan politik. Oleh sebab itu, wajar sekali ulama Iran ikut terlibat dalam kegiatan politik seperti yang terjadi dalam sejarah Islam. Bahkan pada periode Dinasti Syafawi, kaum ulama mendapat

* Dr. Afrizal M., Ph.D. Pensyarah di Fakultas Usuluddin, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Pekanbaru, Riau, Indonesia.

¹ Bernard Lewis (1972), "Islam Concept of Revolution" dalam *Revolution in the Middle East*, London: Allen & Erdin, p. 33.

jawatan penting dalam administrasi pemerintahan ketika Sultan Syafawi berjaya menonjolkan dirinya sebagai personaliti yang berketurunan langsung dari imam.²

Dengan demikian, pemerintah dan ulama merupakan suatu kesatuan yang melibatkan diri dalam sistem politik. Sistem ini lebih dekat dengan pemerintahan monarki kerana di tangan Shah terletak jawatan *temporal leadership* dan *spiritual leadership*.³

Pada masa Dinasti Qajar, para ulama berbalik menentang kebijaksanaan pemerintah kerana kebijaksanaan itu dianggap sebagai penyimpangan dari keadilan imam. Aksi penting ini diawali dengan sikap mereka yang memisahkan diri dari pemerintahan.⁴ Ini disebabkan pemerintahan tidak mengikutsertakan ulama dalam urusan kenegaraan.⁵ Adapun pada masa Dinasti Pahlevi, ulama tidak terlibat sama sekali dalam masalah sosial dan politik, bahkan bertambah jauh dari pemerintah. Hal itu berlangsung dalam jangka waktu lebih kurang tiga puluh tahun.⁶

Dengan tersisihnya para ulama dari pemerintahan timbullah semangat para ulama untuk mengajukan tuntutan kuat tentang perlunya keterlibatan mereka dalam politik. Alasan yang mendorong ulama untuk mengajukan tuntutan tersebut adalah doktrin Syi'ah sendiri yang menganjurkan agar para ulama ikut menjalankan pemerintahan selama imam tidak ada. Dengan semakin jauhnya Shah meninggalkan ulama, para ulama sukar memasuki kembali bidang politik. Jalan yang mungkin ditempuh untuk menembus masalah ini adalah menerusi revolusi.

Dalam menafsirkan ajaran Syi'ah yang berhubung dengan fungsi ulama dalam pemerintahan, terdapat perbezaan konsep. Khomeini berpendapat bahawa ulama harus terlibat secara langsung dalam pemerintahan. Ulama harus dapat mengawal semua tindakan pemerintah ketika ia menjalankan tugas pemerintahan.⁷ Di sisi lain, faham Khomeini ini boleh membawa tindakan ulama semakin tidak terkawal kerana tidak ada orang yang berhak mengawal pemerintah kecuali ulama sendiri. Ini didasarkan pada kedudukan ulama yang merupakan wakil Tuhan di bumi. Lebih dari itu, terdapat kemungkinan bahawa ulama akan mempergunakan kekuasaannya secara sewenang-wenang tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith.

² Shahrough Akhavi (1980), *Religion and Politic in Contemporary Iran, Clergi State Relations in the Pahlevi Period*, Albany: State University of New York Press, p. 55.

³ John Obert Voll (1982), *Islam Continuity and Change in the Modern World*, Colorado: Westview Press Boulder, p. 83.

⁴ *Ibid.*, p. 105.

⁵ Moojan Momen (1985), *An Introduction to Syi'i Islam*, New Haven and London: Yok University Press, pp. 137-138.

⁶ Disimpulkan dari Shahrougt Akhavi, *op.cit.*, h. 91-96.

⁷ *Ibid.*, h. 163.

Kedudukan Ulama Dalam Pemerintahan Menurut Ayatullah Shari'atmadari

Berbeza dengan pemikiran tersebut, Shari'atmadari berpendapat bahawa para ulama tidak perlu lansung terlibat dalam pemerintahan kecuali dalam keadaan terpaksa. Bagi Shari'atmadari yang penting ialah berjalannya syari'at dalam masyarakat Islam.⁸ Bila ajaran Islam sudah dijalankan oleh umat, ulama boleh tidak ikut menjalankan roda pemerintahan. Tafsiran Shari'atmadari sejalan dengan sistem pemerintahan moden yang berlaku di Barat yang disebut dengan pemerintahan sekular. Dengan menfokuskan kepada pandangan Shari'atmadari, makalah ini akan mengungkapkan pemikirannya tentang kedudukan ulama dalam pemerintahan.

Agar pembahasan ini lebih komprehensif, pendekatan yang dipakai dalam tulisan ini ialah pendekatan struktural fungsional⁹ iaitu dengan mengungkapkan pemikiran-pemikiran Shari'atmadari dilihat dari bentuk dan sistem pemikirannya dalam persoalan kedudukan ulama dalam pemerintahan. Adapun untuk melihat latar belakang pemikiran Shari'atmadari dan terjadinya perubahan-perubahan dalam masyarakat, pendekatan sosio-historis akan digunakan.

SITUASI POLITIK IRAN SEBELUM REVOLUSI TAHUN 1979

Pemerintahan Dinasti Pahlevi pada dasarnya tidak jauh berbeza dari pemerintahan Dinasti Qajar. Pada masa Dinasti Qajar, telah terjadi perubahan sistem pemerintahan yang cukup berpengaruh terhadap perjalanan politik Iran. Sistem pemerintahan Dinasti Qajar adalah bercorak sekular. Para ulama melihat bahawa tindakan-tindakan pemerintah telah jauh menyimpang dari ajaran Islam. Tanpa melihat unsur keterpaksaan, rejim Qajar mengadakan hubungan dagang dengan Rusia dan England. Tetapi hasil perdagangan tersebut tidak membawa pengaruh yang lebih baik bagi masyarakat ketika itu, sementara itu ulama melihat bahawa tindakan dan kebijaksanaan pemerintah tidak dibenarkan dalam ajaran Islam Syi'ah.¹⁰ Hal ini menunjukkan pemisahan antara ulama dan pemerintah yang dalam pandangan sebahagian ulama Syi'ah dianggap sekular.

Pada masa Dinasti Pahlevi, pemisahan itu ternyata lebih jelas dan sikap pemerintahan lebih sekular.¹¹ Reza Khan menjalankan idea ini dalam rangka

⁸ *Ibid.*, h. 102.

⁹ Leonard Binder (1988), *Islamic Liberalism*, Chicago and London: The University of Chicago Press, p. 89.

¹⁰ Edward Mortimer (1982), *Faith and Power*, New York: Devison Random House, Vintage Book, p. 307.

¹¹ Idea sekular ini dipedomani Reza Khan dari Mustafa Kamal Pasya (Kamal Attaturk) yang berhasil mengalahkan campurtangan asing di Turki. Reza berupaya memberi sumbangan kepada Iran berupa suatu pemerintahan yang didukung oleh tokoh didikan Barat untuk memerintah negeri itu. *Ibid.*, h. 307.

menguukuhkan kekuasaannya. Kebijkasanaan-kebijaksanaan yang diambil oleh Reza Khan dalam pemerintahan sangat merugikan para ulama. Salah satu faktor yang sangat mengecewakan para ulama adalah pemakaian nama keluarga Pahlevi pada acara-acara rasmi yang telah berlangsung selama lebih dari lima puluh tahun untuk memenuhi kepentingan-kepentingan nasional Iran. Di sebalik itu, makna-makna unsur Islam semakin dipinggirkan.

Dalam bidang pendidikan, Reza Khan mengadakan pembaharuan yang berbentuk sekular. Cara ini ditirunya dari pengalaman dunia Barat yang telah lebih dahulu memisahkan agama dari politik dan memperkenalkan ilmu pengetahuan rasional ke dalam pendidikan umum. Sekolah-sekolah yang dibuka adalah sekolah teknik, penternakan dan pertanian, sedangkan pendidikan agama berada di bawah pengawasan negara.¹² Di samping itu, Reza juga menunjukkan keberaniannya untuk mengumumkan keseragaman antara berpakaian yang tidak setakat orang lelaki yang harus memakai pakaian Barat, tetapi juga mengharuskan wanita menanggalkan cador¹³ (penutup kepala dan muka bagi kaum perempuan).

Dalam bidang hukum, Reza Shah mengeluarkan undang-undang sivil, undang-undang tentang hukum jenayah dan undang-undang perdagangan baru. Meskipun sebahagian undang-undang itu berdasarkan syari'at, tetapi ternyata pelaksanaannya mengarah kepada hukum sekular. Undang-undang tersebut dilaksanakan oleh mahkamah yang berada di bawah kekuasaan kementerian kehakiman dan pegawai-pegawainya adalah pakar-pakar pendidikan Barat. Sistem itu adalah pengadilan agama dengan setakat seorang mujtahid bertindak sebagai hakim yang menerima gaji dari pemerintah. Mahkamah Banding di Teheran juga menugaskan seorang mujtahid yang dipilih kementerian kehakiman dari daftar nama yang diajukan kepada lembaga kementerian untuk mengawasi kes-kes keagamaan. Pada tahun 1932, mahkamah syari'at tradisional yang diawasi oleh para ulama kehilangan hak untuk mencatat dokumen seperti pernyataan-pernyataan tertulis yang sah, surat kuasa para pengacara dan catatan kekayaan penguasa. Hal itu membuat para mujtahid dan mullah kehilangan pengaruh dan sumber pendapatan.¹⁴

¹² Ervan Abrahamian (1982), *Islam Between Two Revolution*, New Jersey: Princiton University Press, p. 112.

¹³ Sistem pendidikan tersebut dibawa oleh Kemal Attaturk dan diperkenalkan di Turki dimana warga negaranya tidak melepaskan diri dari ikatan agama. Di Mesir menanggalkan tudung muka bagi wanita dikemukakan oleh Qasim Amin, kerana mendakwa dengan pemakaian cador, pemikiran wanita menjadi tertutup sehingga hal itu menghalangi kemajuan. Niyazi Berkes (1964), *The Development of Secularism in Turkey*, Montreal: McGill University Press, p. 176 dan 389.

¹⁴ Edward Mortimer, *op.cit.*, h. 309.

Hal lain yang menyakitkan hati para ulama adalah tindakan Shah yang mengasingkan seorang mullah iaitu Ayatullah Bafqis di Qum kerana keberaniannya mencela kerabat perempuan Shah sewaktu memasuki tempat suci Haerat Ma'sumah tanpa memakai penutup kepala. Ajudan, militer utama Shah dengan tingkah laku yang sombong telah mengotori tempat suci di dalam rumah ibadat dengan berjalan di tempat itu tanpa menanggalkan sepatunya dan menyeret Ayatullah Bafqis dengan memegang janggutnya ke hadapan Shah sambil menendang dan memukulnya dengan cambuk.¹⁵

Selain itu, peristiwa yang mengejutkan lagi ialah kekecohan yang terjadi di tempat suci Imam Ali Ridha di Masyhad, Iran Timur Laut. Pihak berkuasa tempatan tetap memaksa pengunjung tempat tersebut memakai topi ala Eropah di tempat suci itu. Peraturan ini membuatkan para pelawat dan hadirin tersinggung dan marah. Akibatnya orang-orang yang menunjukkan sikap tidak bersetuju ditembak oleh polis sehingga banyak korban gugur bergelimpangan berdekatan dengan masjid tersebut.¹⁶

Langkah-langkah yang dibuat Shah yang banyak bertentangan dengan doktrin Syi'ah membuat ulama semakin meluat. Mereka tidak memiliki wakil-wakil di Majlis, sedangkan sebelumnya ulama menduduki 40% kursi di Majlis. Sebahagian hal ehwal sekolah dan lembaga pendidikan yang mereka miliki dikurangkan hingga institusi-institusi tersebut gagal bersaing dengan sekolah-sekolah pemerintah. Akibat gangguan dan langkah-langkah yang diambil Shah menyebabkan penghasilan mereka semakin berkurang dari setahun kesetahun.

Reza Shah kelihatan ingin memperbesar kariernya hingga menyamai Attaturk di Turki. Attaturk telah berhasil meletakkan faham sekular dalam pentadbiran negara tersebut dengan mengubah lembaga-lembaga agama menjadi lembaga-lembaga yang terlepas dari ikatan agama. Tetapi Reza tidak sampai membubarkan lembaga-lembaga keislaman secara sistematis atau memisahkan agama dan negara secara rasmi. Reza cuba memperkenalkan reformasi dengan mencipta suatu kelompok kecil yang baru untuk mendokong usaha pembaharuannya. Usaha itu merupakan suatu proses ke arah perkembangan yang lebih luas untuk mensosialisasikan faham sekular di Iran.¹⁷

Untuk melepaskan pengaruh England dan Rusia di Iran, Reza Shah memujuk Jerman agar membantu usaha tersebut pada tahun 1941 sekaligus mengusir Soviet. Tetapi sehingga pemerintahan Muhammad Reza, Amerika juga berusaha membantu melepaskan pengaruh England dan Rusia di Iran.¹⁸ Keadaan ini membuat Amerika

¹⁵ Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 42.

¹⁶ Kemal H. Karppat (1982), *Politic and Social Thought in Contemporary Middle East*. New York: Preager Special Studies, p. 466.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Al-Kulaini, Abu Ja'far ibn Ya'qūb ibn Ishāq (1988), *al-Uṣūl min al-Kāfī*. Teheran: Dār al-Kutub al-Islamiyah, h. 192-103.

berhasil menanamkan pengaruhnya di Iran dan menguasai negara itu dalam bidang ekonomi dan politik.

POSISI SHARI'ATMADARI DI KALANGAN ULAMA

Dasar politik yang dijalankan pemerintah, baik Rejim Qajar mahupun Rejim Pahlevi dipandang ulama telah jauh menyimpang dari ajaran Syi'ah yang sebenar. Menurut aliran Syi'ah, negara harus dipimpin oleh seorang imam. Kedudukan imam bukan setakat sebagai pemerintah semata-mata, tetapi juga sebagai wakil Allah dalam melaksanakan semua urusan di dunia. Di tangan imam terletak sebahagian rahsia Tuhan.¹⁹ Tetapi kerana Imam ke dua belas dalam Syi'ah Isna'asyariyah atau imam ketujuh dalam Syi'ah Sab'iyah sudah hilang, tanggungjawab imam secara automatik terpaksa dipegang oleh ulama sebagai wakil imam selama ia belum kembali dari persembunyiannya.²⁰ Di sisi lain, al-Kulaini menjelaskan bahawa ulama itu adalah pewaris nabi dengan segala tugas dan kewajipannya.²¹

Apabila berlaku penyimpangan dalam kepimpinan umat Islam, para ulama merasa berkewajipan untuk menegakkan kembali ajaran yang dibawa Nabi dan imam. Memandangkan banyak langkah pemerintah yang tidak sesuai lagi dengan ajaran Islam, ulama terpaksa menentang pemerintah Dinasti Qajar. Dalam menangani persoalan ini muncullah beberapa kelompok ulama yang tidak sepakat dalam menanggapi persoalan ini.

Ada tiga kelompok ulama yang terkenal di Iran. Pertama, kelompok ulama radikal yang dipimpin oleh Ayatullah Khomeni. Tokoh ini diikuti oleh Ayatullah Mahallati Shirazi, Ayatullah Shadiq Ruhami, di Qum, dan Ayatullah Mahmud Taliqani di Teheran.²² Kelompok ini menunjukkan ketegasan dengan menyatakan bahawa untuk menegakkan ajaran Islam, para ulama harus terlibat langsung dalam pemerintahan.

Kedua, kelompok terdiri daripada ulama pembaharu yang bersifat sederhana dan toleran. Kelompok ini lebih banyak berkecimpung dalam aktiviti politik dan pendidikan. Ia dipimpin oleh Ayatullah Murteza Mutahhari yang dibunuh oleh kelompok Furqan bulan April tahun 1929. Pengikut-pengikutnya adalah terdiri dari tokoh-tokoh seperti Sayid Mahmud Bihisti, Mahmud Ibrahim Ayati, Husen Mazini, Sayid Murteza, Shabistani, dan Ali Syari'ati.²³ Sebahagian ulama yang berada dalam kelompok ini

¹⁹ *Ibid.*, h. 36-37.

²⁰ *Ibid.*, h. 86.

²¹ Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 100-101.

²² *Ibid.*, h. 101.

²³ *Ibid.*

menjadi kakitangan pemerintah dan menjadi tokoh yang melegitimasi langkah-langkah yang dibuat oleh pihak pemerintah.

Ketiga, kelompok terdiri dari ulama konservatif yang dipimpin oleh Ayatullah Shari'atmadari. Kelompok ini pada dasarnya setakat mempertahankan ajaran Islam yang dibawa oleh Ayatullah Burujirdi, seorang *marja' taqlid*²⁴ dan beberapa tokoh lain yang bersefahaman, iaitu Ayatullah Mullany, Ayatullah Mahmud Reza Gulpaigani dan Ayatullah Shahbuddi.²⁵ Kelompok ini berpendapat bahawa kedudukan ulama dalam pemerintahan harus dilihat dari urgensinya iaitu untuk memelihara kelangsungan ajaran Islam. Bila syari'at sudah tidak berjalan lagi dalam negara para ulama perlu berpolitik. Tetapi jika syari'at sudah berjalan dengan baik, para ulama cukup menjadi pengawas di luar tanpa melibatkan diri dalam pemerintahan.

Ayatullah Shari'atmadari termasuk kelompok ulama yang ketiga. Nama lengkapnya ialah Ayatullah Sayid Muhammad Kazem Shari'atmadari. Ia lahir di Tabriz pada tahun 1905, tiga tahun lebih muda dari Ayatullah Ruhullah Khomeni yang dilahirkan pada tahun 1902. Shari'atmadari memulai pengajiannya di daerah kelahirannya, Tabriz. Pada waktu berumur 19 tahun, ia pergi ke Qum, belajar kepada Shaikh Abd al-Karim Ha'eri yang baru saja menghidupkan kembali sekolah teologi di Qum.²⁶

Berbeza dengan Khomeni yang belajar Ilmu Kalam, Akhlak, dan Falsafah, pengkhususan Shari'atmadari lebih menjurus kepada bidang fikah. Sekitar tahun 1935, Shari'atmadari pergi ke Najaf, belajar kepada Syeikh Husein Na'ini, khusus dalam bidang fikah. Kemudian ia kembali ke daerah kelahirannya Tabriz juga mengajarkan fikah hingga tahun 1946. Setelah itu, Shari'atmadari diundang oleh Ayatullah Burujirdi untuk mengajar di Qum, juga dalam bidang fikah.

Setelah Ayatullah Burujirdi meninggal, Shari'atmadari dinobatkan sebagai pelanjut pemimpin *marja' taqlid* yang wilayahnya mencakup Iran, Azerbaijan, Pakistan, India, Lebanon, Kuwait, dan Teluk. Di samping mengajar, ia juga menerbitkan majalah *Dār al-Tablīgh al-Islāmī* yang dijadikan majalah mahasiswa. Pengajarannya adalah dengan memakai sistem pengajaran terbaru bagi menyebarkan ajaran Syi'ah ke dunia luar.²⁷

Melihat penampilan ini, jelas sekali bahawa Shari'atmadari adalah ulama yang cukup senior. Ia menjadi pemimpin mujtahid dan menjadi jurubicara tidak rasmi dalam

²⁴ Fungsi *marja' taqlid* merupakan akibat pasti dari kemestian rasional untuk meminta nasihat kepada mereka yang pakar dalam masalah-masalah syari'at dan diakui kerana kealimannya yang unggul di kalangan para ulama. Lihat Abdulaziz Sachedina (1991), *Kepemimpinan Dalam Islam Perspektif Syi'ah*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 336.

²⁵ Nikki R. Keddi (1981). *Root of Revolution*, Yole: Yole University Press, p. 208.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Moojan Momen, *op.cit.*, h. 390.

kelompok para ulama Azerbaijan. Shari'atmadari berada satu kelompok dengan Ayatullah Zanjami, seorang ulama Azeri yang mendokong Musadiq dan gerakan perlawanan nasional yang bersifat liberal dan sekular.²⁸ Dukungan terhadap partai yang sekular itu adalah untuk menjamin referendum. Ia memberikan kebebasan kepada rakyat untuk memilih bentuk negara, apakah Republik Islam atau Republik Demokrasi Islam.²⁹ Sikapnya yang kurang mendokong fikiran Khomeni telah menimbulkan pertentangan antara dia dengan Khomeni.

Konflik antara Shari'atmadari dengan Khomeni bermula dari pernyataan Khomeni bahawa rakyat Iran telah mengatur langkah untuk berdemonstrasi menentang politik Rejim Shah. Slogan selanjutnya berbunyi bahawa "siapa saja yang tidak ikut bersama kita adalah menentang kita". Shari'atmadari yang mempunyai fikiran lain merasa tersinggung dengan pernyataan Khomeni dan sekaligus menjadi beban bagi Shari'atmadari. Oleh sebab itu, ia mula mewujudkan hubungan dengan para ulama yang bersefahaman dengannya dan membuat satu penyiasatan. Shari'atmadari menyuruh pengawalnya untuk berwaspada dan menjelaskan bahawa ia tidak mempunyai hubungan dengan Shah dan bersikap pasif terhadapnya walaupun setelah Reza Pahlevi berkuasa, kelompok ini terancam. Di samping itu, Shari'atmadari tidak bergabung dengan Khomeni untuk menghancurkan monarki pada tahun 1978. Dia mengemukakan taktik tersendiri, iaitu tidak mengajak berperang. Tetapi jika pemerintah menutup semua bentuk kesepakatan dan ruang bagi ulama, Shari'atmadari dan rakan-rakannya akan menghancurkan semua tirani. Maksud Shari'atmadari ialah untuk menerapkan keadilan sosial yang ditetapkan oleh imam. Mereka berpendapat bahawa pemerintah itu berasal dari rakyat dan untuk rakyat.³⁰ Di samping itu, apa yang menimbulkan kejengkelan Khomeni ialah langkah Shari'atmadari menggabungkan dirinya dengan partai-partai berhaluan kiri, di antaranya Fidayen Khalq, Mujahidin Khalq dan Partai Tudeh.³¹

²⁸ Sifat liberal dari golongan ini kelihatan menyimpang dari ajaran Syi'ah. Salah satu penyimpangannya ialah memberi hak bersuara kepada wanita, memberikan peluang untuk mengadakan komunikasi dengan Shah untuk menciptakan pemerintahan yang moderat dan melobinya dalam usaha untuk melindungi aliran-aliran dan gerakan-gerakan yang bersifat agama. Lihat Ervan Abrahamian, *op.cit.*, h. 474.

²⁹ Shaul Bakhas (1979), *The Right of Ayatullah Iran and Islamic Revolution*, New York: Basic Book Inc., p. 72.

³⁰ *Ibid.*, pp. 168-169.

³¹ Kelompok ini pada mulanya didirikan oleh mahasiswa Universiti Teheran pada tahun 1963 M. dari zaman yang berbeza. Sebelumnya partai-partai ini bermula dari kelompok rahsia yang berjuang menentang kediktatoran Shah. Kelompok ini disamakan dengan kelompok yang sangat menghormati Husen yang muncul dalam rangka menentang pemerintahan Islam. Kelompok ini membentuk diri mereka menjadi kelompok-kelompok teroris. Lihat Moojan Momen, *op.cit.*, p. 240. Bandingkan dengan Akhavi, *op.cit.*, h. 177. dan Abrahamian, *op.cit.*, h. 80-84.

Kedudukan Ulama Dalam Pemerintahan Menurut Ayatullah Shari'atmadari

Konflik antara Shari'atmadari dengan Khomeni bermula semenjak munculnya tuduhan yang menyakitkan beliau ketika tokoh revolusi Islam Iran ini menduduki posisi *marja' taqlid* pada tahun 1961. Apalagi Khomeni merupakan tokoh yang lebih pakar dalam bidang teologi, sedangkan Shari'atmadari adalah pakar dalam bidang fekah.³²

Di samping itu, Shari'atmadari sebenarnya juga seorang tokoh yang cukup berhati-hati dalam mengeluarkan pendapat. Boleh dikatakan bahawa dengan sikapnya yang berhati-hati itu dia dianggap sebagai tokoh yang menempati posisi penting dalam revolusi pada tahun 1960-1970. Tetapi perbalahannya dengan Khomeni semakin sengit dan tidak dapat didamaikan lagi.³³

KEDUDUKAN ULAMA DALAM PEMERINTAHAN MENURUT SHARI'ATMADARI

Perbezaan mendasar antara Shari'atmadari dengan Khomeni lebih menonjol dalam bidang politik. Perbezaan ini bersumber dari perbezaan konsep masing-masing tentang negara. Bentuk negara menurut Khomeni ialah Republik Islam seperti yang telah disebutkan di atas, sedangkan menurut Shari'atmadari, bentuk negara itu ialah Republik Demokrasi Islam. Konsep Khomeni itulah yang memunculkan Partai Republik Islam (IRP), sedangkan Shari'atmadari memunculkan Partai Republik Rakyat Islam (IPRP).³⁴

Dengan munculnya perkataan *people* dalam partai politik ini, menunjukkan adanya demokrasi yang terkandung di dalamnya. Fahaman demokrasi itu memang sedang tumbuh dan berkembang di berbagai-bagai dunia Islam kerana pengaruh yang datang dari Barat. Sikap Shari'atmadari yang mendokong demokrasi menunjukkan bahawa ia adalah seorang tokoh yang bersifat moderat.

Sikap moderat ini berbeza dari yang difahami orang pada umumnya. Menurut ajaran Syi'ah, yang memimpin suatu negara adalah imam. Tetapi kerana imam itu sekarang bersembunyi atau menghilang, maka tugas imam diberikan kepada ulama. Ini sesuai dengan Hadith Nabi yang mengatakan bahawa "ulama adalah pewaris Nabi". Oleh sebab itu, ulamalah yang mempunyai wewenang untuk mengurus segala urusan, baik urusan negara mahupun urusan agama. Sehubungan dengan ini al-Kulaini menjelaskan:

³² Colin Legum (1979-1980), *Middle East Contemporary Survey*, New York and London: Holomes and Meier Publisher Inc.

³³ Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 108.

³⁴ Shaul Bakhas, *op.cit.*, h. 73.

محمد ابن يحيى عن ابن محمد ابن عيسى عن ابن محمد ابن خالد عن ابن البخري عن ابن عبد الله عليه السلام قال: إن العلماء ورثة الأنبياء. وذلك إن الأنبياء لم يورثوا درهما ولا دينارا. وإنما أورثوا أحاديث من أحاديثهم. فمن أخذ بشئ فقد أخذوا حظا وافرا. فانظروا علمكم هذا عمن تأخذونه فإن فينا أهل البيت في كل خلف عدو لا ينفونه تحريف الغالين وانتحال المبطلين وتأويل الجاهلين.³⁵

Ertinya: Muhammad ibn Yahya, dari Ahmad ibn Muhammad ibn Isa, dari Muhammad ibn Khalid, dari Abi al-Bukhturī, dari Abi 'Abd Allāh a.s.: Dia berkata: Sesungguhnya ulama adalah pewaris nabi. Para nabi tidak mewariskan dirham dan dinar (wang/kekayaan), tetapi mereka mewariskan hadith-hadith. Sesiapa yang mengambil hadith itu, maka ia telah beruntung. Perhatikanlah ilmu kamu dari siapa kamu ambil. Pada kita ada *ahl al-bait*. Dalam setiap generasi terdapat keadilan yang menghilangkan kekafiran, menghapuskan kebatilan dan membanteras orang yang jahil.

Huraian ini menunjukkan bahawa yang diwarisi ulama dari nabi adalah ilmu. Di dalamnya terdapat unsur lain yang wajib dijalankan ulama. Dengan demikian, masalah politik tidak diwariskan nabi kepada ulama. Dalam hal ini Shari'atmadari kelihatannya tidak mengambil hadith sebagai dasar pemikiran tentang politik, kecuali dalam keadaan terpaksa. Bagi Shari'atmadari tugas ulama yang utama adalah memastikan apakah syari'at dapat berjalan dalam masyarakat, dan dapat menghapus korupsi yang dilakukan oleh pegawai pemerintah. Di samping itu, ulama juga berkewajiban memantau negara dan menggunakan kekuasaan politik untuk mendorong supaya syari'at dijalankan dan dengan itu wujudlah sebuah masyarakat yang baik.

Inilah salah satu perbezaan mendasar antara Shari'atmadari dengan Khomeni. Bagi Khomeni, ulama berkewajiban menjalankan pemerintahan kerana tidak ada batasan atau keterangan dari hadith bahawa yang diwariskan nabi kepada ulama adalah ilmu agama semata-mata. Bagi Shari'atmadari, kewajiban ulama yang utama lebih ditekankan dari aspek pengawasan.

Sistem politik yang digambarkan Shari'atmadari memang berbeza dengan sistem politik yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat.³⁶ Pada masa itu,

³⁵ Al-Khulaini, *op.cit.*, h. 32

³⁶ Nabi dan sahabatnya Abu Bakar, Umar, Uthman serta Ali merupakan pemimpin yang memegang kepimpinan agama dan negara sekaligus. Namun dalam perkembangan selanjutnya, kepimpinan agama dan negara dipisahkan. Pemisahan itu disebabkan oleh perbezaan yang terdapat antara persoalan spiritual dan temporal. Dengan meminjam konsep al-Raziq, difahami bahawa misi seorang nabi adalah setakat dalam masalah spiritual sahaja, sedangkan tugas kemasyarakatan yang dijalankan nabi berasal dari misi kenabian, tetapi hal itu sekadar tuntutan

Kedudukan Ulama Dalam Pemerintahan Menurut Ayatullah Shari'atmadari

pemimpin agama dan pemimpin negara dipegang oleh satu orang. Nabi dan sahabat adalah pemimpin agama dan sekaligus pemimpin negara. Tetapi sekarang jawatan seperti itu tidak dapat dijalankan lagi kerana tokoh yang berkemampuan seperti nabi dan sahabat sukar ditemui. Tidak didapati seorang pemimpin agama dan sekaligus pakar politik yang bijak dan dipercayai. Perbezaan itu merupakan tuntutan dari situasi dunia yang selalu berubah pada saat ini. Namun menurut pendapat Shari'atmadari, modernisasi tidak bertentangan dengan tradisi ajaran Islam. Shari'atmadari juga mengungkapkan bahawa masyarakat kita tidak berdemonstrasi terhadap modernisasi, tetapi modernisasi itu dihadapkan untuk menentang kediktatoran.³⁷

Pendapat Shari'atmadari ini hampir sama dengan 'Ali 'Abd al-Raziq (1888-1966), seorang tokoh pembaharu yang kontroversial di Mesir dan dunia Islam, memberikan tafsiran terhadap bentuk pemerintahan yang dilakukan oleh nabi Muhammad s.a.w. Menurut tafsirannya, pemerintahan nabi adalah suatu tugas yang terpisah dari tugas da'wah Islamiyah dan berada di luar batas risalah.³⁸ Pemerintahan yang pernah dibentuk nabi muncul dari praktis duniawi yang tidak terkait dengan tugas kerasulan.³⁹ Salah satu dalil yang dikemukakannya, rasul bukan raja. Rasul adalah satu martabat dan raja juga satu martabat lain. Martabat Rasul tetap berada dalam perlindungan Allah melalui petunjuk wahyu, sedangkan martabat raja berada di luar bimbingan wahyu.⁴⁰ Sebagai akibat dari perbezaan itu, tidak ada keharusan membentuk sebuah negara yang berdasarkan agama. Buktinya kata al-Raziq, ketika Nabi Muhammad s.a.w. wafat, beliau tidak menunjuk seorang pengganti baginda sama sekali.

Cara ini menjadi hujah bagi al-Raziq untuk mengadakan pemisahan kedudukan ulama dari raja dalam pemerintahan. Lebih-lebih lagi sukar mencari seorang ulama yang sekaligus menguasai pemerintahan. Dari asas dalil ini, ulama lebih baik mengambil kedudukan sebagai pengawas, apakah syari'at dalam pemerintahan sudah berjalan atau tidak? Jika syari'at sudah berjalan dalam pemerintahan, maka ulama tidak perlu langsung memegang kekuasaan politik. Di sinilah kesamaan Shari'atmadari dengan al-Raziq dalam menangani isu pemerintahan.

Di samping itu, menyentuh mengenai Shari'atmadari memunculkan pandangan untuk menyesuaikan sosio-budayanya dengan perkembangan zaman. Seiring dengan

dari cebisan kemasyarakatan yang sentiasa berubah. Lihat Albert Hourani (1983), *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*. New York, London, Melbourne: Cambridge University Press, pp. 186-188.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Alī 'Abd al-Rāziq (1925), *al-Islām wa Uṣūl al-Ḥukm, Baḥṡh fī al-Khilāfah wa al-Ḥukūmah fī al-Islām*, Kaheerah: Matba'ah Miṣr, h. 55.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ *Ibid.*, h. 49.

berdirinya Rejim yang revolusioner, terjadi pertentangan antara Shari'atmadari dengan Khomeni. Shari'atmadari berusaha untuk menghindari kemungkinan berlakunya pertentangan keras untuk menjaga kesatuan umat setelah pemerintahan Islam yang baru itu berdiri. Sifat *tasamuh* Shari'atmadari ini menyebabkan para pengikutnya bertambah bersimpati dengannya dan hal tersebut diberi perhatian khusus oleh Khomeni.⁴¹ Puncak konflik antara Shari'atmadari dengan Khomeni adalah sewaktu munculnya isu tentang perlembagaan baru dalam rangka melindungi terjadinya demonstrasi yang lebih besar dari etnik-etnik minoriti dan kelompok-kelompok politik liberal yang mendokong Shari'atmadari.⁴²

Sifat *tasamuh* Shari'atmadari juga terlihat dalam berbagai faktor yang dianggap ada hubungan dengan perbezaan pangandannya dengan Khomeni dalam masalah referendum. Bagi Shari'atmadari, tidak menjadi persoalan, apakah sebuah pemerintahan itu berbentuk monarki atau republik. Yang penting baginya adalah berjalannya syari'at dalam negara. Dengan kata lain, Shari'atmadari melihat bagaimana menerapkan hukum Islam secara tepat sesuai dengan perkembangan bukan setakat mempertimbangkan Islam sebagai sumber hukum.⁴³ Shari'atmadari membela Islam sebagai suatu prinsip yang sesuai dengan perkembangan zaman. Sebuah republik Islam menurutnya adalah sebuah negara yang majoriti penduduknya muslim. Jadi dalam hal, ini yang diinginkan Shari'atmadari ialah memastikan mekanisme sejauh mana orientasi dari hukum Islam itu dijalankan dalam masyarakat.

Sebuah revolusi bertujuan untuk mencipta suatu mekanisme bagaimana syari'at boleh berjalan dalam masyarakat. Ini merupakan latar belakang masyarakat Iran yang belum menjalankan ajaran Islam dengan bersungguh-sungguh sesuai dengan tuntutan Islam. Bagi Shari'atmadari, revolusi diadakan bagi memprotes tindakan Shah yang ganas. Menurutny, hal ini dilakukan cukup dengan menerapkan perlembagaan 1906-1907. Inti dari perlembagaan itu adalah memberikan kekuatan veto kepada lima orang mujtahid *marja' taqlid* dalam mengawal kegiatan dan keaktifan pemerintah.

Konsep kepimpinan imam yang masih ditonjolkan Khomeni tidak diterima oleh Shari'atmadari. Bagi Shari'atmadari, republik Islam sekarang akan berbeza dari apa yang ada dalam sejarah perkembangan Islam pada masa Nabi dan Ali ibn Abi Talib.

⁴¹ Colin Legum, *op.cit.*, h. 456.

⁴² *Ibid.*, h. 508-509.

⁴³ Konsep Shari'atmadari tentang tugas ulama dalam negara tidak ditulis dalam buku. Shari'atmadari setakat mengemukakan melalui interview. Pemerintahan Islam menurutnya, bukanlah berdasarkan monarki, walaupun wujud ketidakadilan Rejim Pahlevi apabila tokoh pemimpin tersebut tunduk ke Barat. Shari'atmadari kesal kebanyakan para pemimpin muslim revolusioner mengertikan revolusi perlembagaan sebagai telah berakhir. Nikki Keddi, *op.cit.*, pp. 208-209.

Kedudukan Ulama Dalam Pemerintahan Menurut Ayatullah Shari'atmadari

Nabi Muhammad s.a.w. dan Ali ibn Abi Talib diangkat Allah s.w.t. menjadi pemimpin dan bertanggungjawab kepadaNya. Pada masa sekarang, tidak ada lagi nabi dan imam yang menjadi pemimpin negara. Yang ada ialah orang biasa yang dipilih oleh orang biasa pula untuk menjadi pemimpin. Itulah demokrasi yang pemerintahannya dari rakyat dan untuk rakyat. Pemahaman monarki dan republik bukan penambahan dari demokratik. Berbeza dengan Khomeni, Shari'atmadari mengemukakan pandangan bahawa para ulama berperanan mengawasi urusan duniawi dalam keadaan tertentu. Mereka menafsirkan bahawa ketika terjadi pertentangan antara perlembagaan dan Islam, barulah para ulama berkewajipan untuk menegah wujudnya pertentangan tersebut.⁴⁴ Campur tangan para ulama dalam masalah politik memang dibenarkan jika parlimen membuat undang-undang yang tidak sesuai atau bertentangan dengan doktrin Islam. Begitu juga bila tidak ada lagi pemimpin yang mampu menjalankan pemerintahan sesuai dengan Islam.⁴⁵

Jalan yang ditempuh Shari'atmadari untuk menghindari campur-tangan ulama dalam urusan politik ialah menerusi *marja' taqlid*,⁴⁶ sebab menurut beliau penyertaan ulama dalam politik akan merendahkan darjat ulama itu sendiri. Perbezaan konsep tentang autoriti ulama dalam politik inilah yang menyebabkan semakin runcingnya perselisihan pendapat antara Shari'atmadari dengan Khomeni yang diikuti oleh para pendukungnya masing-masing. Khomeni merupakan figur yang berhasil membentuk Republik Islam Iran, sementara Shari'atmadari sebagai ulama senior menjadi lawan politik yang keras bagi Khomeni. Dengan demikian, kritikan yang selalu ditujukan Shari'atmadari terhadap Khomeni semakin memburukkan hubungan antara kedua tokoh ini.

Menurut Shari'atmadari, bentuk negara yang direncanakan adalah Republik Islam bukan bercorak demokrasi, tetapi bercoarak monarki. Kritikan Shari'atmadari ada benarnya kerana Khomeni mengajak untuk menghapuskan undang-undang yang dibuat pemerintah dalam tahun 1925-1941. Dalil yang dikemukakan Khomeni ialah bahawa undang-undang itu bertentangan dengan keinginan Allah, dan ia mengingatkan

⁴⁴ Colin Legum, *op.cit.*, h. 509.

⁴⁵ Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 174.

⁴⁶ Dalam persoalan politik ini, Shari'atmadari berbeza pandangan dengan Khomeni kerana menurut Khomeni, ulama harus terlibat dalam politik kerana ia memakai konsep *wilāyah al-faqīh*. Prinsip-prinsip pemerintahan dan kepimpinan agama dipegang oleh para ulama selama gaibnya imam. Segala urusan diserahkan kepada ulama yang benar-benar alim. Tujuan kewujudan ulama selama berada dalam pemerintahan menurut Shari'atmadani adalah untuk mencegah setiap penyelewengan yang dilakukan pelbagai organisasi negara dari tugas-tugasnya yang Islami dan hakiki. Lihat Humas Kedutaan Republik Islam Iran (t.t.), *Undang-Undang Dasar Republik Islam Iran*, Jakarta, h. 9-10.

pembacanya bahawa para ulama di awal kemunculan Islam adalah mendokong monarki.⁴⁷

Shari'atmadari yang diangkat para pendukungnya sebagai pemimpin partai IMIRPP selalu menjadi lawan politik dan ekonomi. Sewaktu Shari'atmadari menolak idea Khomeni, secara spontan pengikut Shari'atmadari mengemukakan bahawa dalam sebuah negara demokrasi, ia perlu terdapat multi partai. Konsep ini ditentang oleh Khomeni kerana idea Republik Islam tidak boleh mengacu kepada konsep Barat dengan demokrasi berperlembagaan. Tetapi konsep Khomeni itu merupakan konsep pemerintahan yang didominasi oleh ideologi multi partai.⁴⁸ Implikasi dari sistem multi partai ini adalah munculnya kebebasan bagi rakyat dalam menentukan bentuk ideologi negara dan itu jelas bertentangan dengan sistem monarki.

Sebuah negara yang memakai sistem pemerintahan republik mesti mempunyai erti pemerintahan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Untuk menghindari pertentangan dengan Khomeni, Shari'atmadari tidak mengharuskan disebut atau tidaknya kata-kata demokrasi di antara kata "republik" dan "Islam". Bagi Shari'atmadari, tidak ada salahnya kalau tidak disebutkan demokrasi. Secara automatik sebuah pemerintahan republik sudah semestinya berbentuk demokrasi kerana kedaulatan terletak di tangan rakyat.⁴⁹

Shari'atmadari juga mengkritik langkah Khomeni mengangkat Mehdi Bazargan sebagai Perdana Menteri setelah Sapur Bakhtiar meninggalkan Teheran pada tahun 1979. Langkah Khomeni itu merupakan taktik untuk mempersiapkan berdirinya sebuah negara Islam di Iran. Tindakan Khomeni mengangkat Perdana Menteri baru itu menurut Shari'atmadari, adalah suatu kelecikan untuk merebut pendukung sehingga dia dengan mudah mendapat kekuasaan tertinggi di Iran. Hasil dari tindakan tersebut, ia tidak secara automatik mewakili pandangan sebulat suara, tetapi adalah suara terbanyak yang dianggap satu bentuk kecurangan pemerintah bagi mendapatkan sokongan.⁵⁰

⁴⁷ Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 163.

⁴⁸ Lihat Botworth Charls Issawi (t.t.), *The Islamic World*, Pricenton, New Jersey: The Darwin Press Inc., p. 828.

⁴⁹ Khomeni sebagai orang yang tidak setuju dengan penambahan kata 'demokrasi' kerana ia selalu mengaitkan tindakan ini dengan Front Demokrasi Nasional yang dipimpin oleh Ayatullah Martin Daftari. Demokrasi yang dimaksudkannya sebenarnya adalah demokrasi liberal yang dibawa oleh Muhammad Musadeq dan demokrasi itu memiliki organisasi. Lihat Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 175.

⁵⁰ Kekalahan Shari'atmadari dalam politik menyebabkan rancangannya untuk menjalankan idea progresifnya menemui jalan buntu. Hal ini menuntunya mengambil jalan lain iaitu memasuki golongan kiri yang ekstrim. Golongan kiri yang dimaksudkan adalah Mujahidin Khalq. Fidayen Khalq di Iran. Lihat Shahrough Akhavi, *op.cit.*, h. 176-177.

Shari'atmadari juga cukup menghormati akhbar Ayandigan yang menyiarkan kesyahidan ulama. Di samping mengecam tindakan Khomeini yang terus mengkritik akhbar tersebut. Sekali lagi perkara ini membawa permusuhan yang ketara di antara dua tokoh tersebut. Pernyataan Ayandigan mengungkapkan bahawa oposisi itu didasarkan atas peranan ulama dan sekaligus menyangkut masalah agama.⁵¹ Bagi Shari'atmadari, pernyataan Ayandigan itu adalah manifestasi kebebasan akhbar, walaupun implikasinya sangat berat kerana ia bertentangan dengan prinsip Islam. Ini menunjukkan bahawa Shari'atmadari adalah orang yang berfahaman konservatif dengan alasan sangat bergantung kepada kepercayaan, namun ia juga mempertimbangkan aspek-aspek kemanusiaan. Ungkapan dan huraian ini menunjukkan bahawa Shari'atmadari mengambilkira masa lalu sebagai hal yang harus diperhatikan dan menjadikannya sebagai kunci bagi menangani perkembangan masa depan.

KESIMPULAN

Shari'atmadari adalah seorang ulama yang besar pengaruhnya di Iran. Ia tergolong dalam kelompok ulama konservatif moderat dan mempunyai pengikutnya yang cukup ramai. Ketika menjalankan misi di Azerbaijan, Tabriz, Qum, sebagai tokoh politik ia menggabungkan diri dengan kelompok mujahidin khalq dan Fidayen khalq. Sikapnya ini menyebabkan dia digolongkan sebagai orang yang tidak mendokong revolusi.

Dalam masalah pemerintahan, Shari'atmadari berpendapat bahawa ulama tidak perlu terlibat langsung dalam politik kecuali dalam keadaan tertentu, atau keadaan terdesak. Tugas ulama yang utama adalah memperhatikan dan melindungi berjalannya syari'at dalam masyarakat dan menentang tindakan pemerintah yang mengabaikan kepentingan syariat itu sendiri. Shari'atmadari tidak mengharuskan negara dipimpin oleh ulama. Dengan demikian, ia tidak mendokong langkah Khomeini mendirikan negara Islam. Memang diakui bahawa Shari'atmadari dan Khomeini mengambil dasar fikiran mereka masing-masing dari kepimpinan nabi. Tetapi, keduanya mempunyai penafsiran yang berlainan terhadap cara kepimpinan nabi itu sendiri. Perbezaan pandangan kedua tokoh ini jelas membawa perbezaan yang nyata dan terbuka di kalangan masyarakat Iran.

Risalah Nabi hanya setakat menyentuh urusan spiritual sahaja, sedangkan masalah temporal adalah termasuk tuntutan sosial yang selalu berubah. Pemisahan kedua kekuasaan ini mengakibatkan munculnya konsep Shari'atmadari bahawa membentuk negara Islam bukan menjadi satu kewajipan, tetapi membentuk negara adalah tuntutan alam yang tidak terkait dengan autoriti agama.

⁵¹ *Ibid.*, h. 177.

Bibliografi

- Abdulazis Sachedina (1991), *Kepemimpinan Dalam Islam Perspektif Syi'ah*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Albert Hourani (1983), *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*, New York, London, Melbourne: Cambridge University Press.
- Alī 'Abd al-Rāziq (1925), *al-Islām wa Uṣūl al-Ḥukm, Baḥṡh fī al-Khilāfah wa al-Ḥukūmah fī al-Islām*, Kaherah: Matba'ah Miṣr.
- Bernard Lewis (1972), "Islam Concept of Revolution" dalam *Revolution in the Middle East*, London: Allen & Erdin.
- Botworth Charls Issawi (t.t.), *The Islamic World*, Pricenton, New Jersey: The Darwin Press Inc.
- Colin Legum (1979-1980), *Middle East Contemporary Survey*, New York and London: Holomes and Meier Publisher Inc.
- Edward Mortimer (1982), *Faith and Power*, New York: Devision Random House, Vintage Book.
- Ervan Abrahamian (1982), *Islam Between Two Revolution*, New Jersey: Princiton University Press.
- John Obert Voll (1982), *Islam Continuity and Change in the Modern World*, Colorado: Westview Press Boulder.
- Kemal H. Karppat (1982), *Politic and Social Thought in Contemporary Middle East*, New York: Preager Special Studies.
- Al-Kulaini, Abu Ja'far ibn Ya'qūb ibn Ishāq (1988), *al-Uṣūl min al-Kāfī*, Teheran: Dār al-Kutub al-Islamiyyah.
- Leonard Binder (1988), *Islamic Liberalism*, Chicago and London: The University of Chicago Press.
- Moojan Momen (1985), *An Introduction to Syi'i Islam*, New Haven and London: Yok University Press.
- Nikki R. Keddi (1981), *Root of Revolution*, Yole: Yole University Press.
- Niyazi Berkes (1964), *The Development of Secularism in Turkey*, Montreal: McGill University Press.
- Shahrough Akhavi (1980), *Religion and Politic in Contemporary Iran, Clergi State Relations in the Pahlevi Period*, Albany: State University of New York Press.
- Shaul Bakhas (1979), *The Right of Ayatullah Iran and Islamic Revolution*, New York: Basic Book Inc.